

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2003

PEMBERHENTIAN KEMUDAHAN PINJAMAN PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR
BARU DI BAWAH PROGRAM KHAS PENGISWAZAHAN GURU (PKPG),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa PTPTN tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar baru di bawah Program Khas Pengiswazahan Guru (PKPG), Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemberhentian ini dibuat setelah mengambilkira kemudahan cuti separuh gaji dan yuran pengajian mereka yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan.


2. Pinjaman untuk pelajar-pelajar PKPG yang sedia ada akan diteruskan sehingga tamat pengajian berdasarkan tempoh yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian pinjaman serta syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling PTPTN Bilangan 2 Tahun 2002.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 16 Mei 2003.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. WAHAB ABD. AZIZ)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

9 Mei 2003